

Belia diminta rebut peluang

um-16/5/2006

Peluang disediakan kerajaan bukan sahaja banyak tetapi diperbaiki dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Oleh **HAMDEN RAMLI, ABDUL YAZID ALIAS dan BINTU RASYADA**

KUALA LUMPUR 15 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu golongan belia merebut segala peluang yang disediakan oleh kerajaan kepada mereka.

Perdana Menteri berkata, peluang yang disediakan oleh kerajaan bukan sahaja banyak tetapi sentiasa diperbaiki dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi kebaikan golongan itu di masa depan.

"Ambillah peluang itu. Belajar bersungguh-sungguh. Menjadi muda hanya sekali. Jangan terlepas, jangan alpa dan jangan lupa untuk bersedia kerana apabila tiba masa, anda akan menjadi generasi pendokong perjuangan yang akan menentukan nasib negara pada masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan 10,000 belia dari seluruh negara yang menyertai Perhimpunan Hari Belia Negara 2006 di Stadium Putra, Bukit Jalil malam ini.

Hadir sama Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said; Menteri Besar Selangor yang juga Presiden Majlis Belia Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam yang juga Presiden

Pergerakan Belia 4B.

Menurut Abdullah, golongan belia tidak boleh lari daripada tanggungjawab untuk mewarisi kepimpinan pada masa depan.

Justeru tegas beliau, belia perlu bersedia kerana apabila tiba masanya untuk menjalankan tanggungjawab itu mereka mesti memiliki keupayaan dan kemahiran.

"Ingatlah masa depan yang sedang menunggu. Cabaran dan saingan akan menjadi lebih dahsyat khususnya dari negara lain

"Ingatlah bahawa belia tidak boleh lari daripada tanggungjawab akan datang. Apabila tiba masa menjalankan tugas itu, mesti ada keupayaan dan kekuatan," katanya.

Beliau menambah, tidak kira di sektor mana pun yang akan diceburi, cabaran yang menanti belia pada masa depan adalah amat besar.

Sebelum itu, kehadiran Perdana Menteri menaiki kereta vintaj Mini Cooper mendapat tepukan gemuruh hadirin.

Perdana Menteri yang memandu sendiri kereta antik kesayangannya itu dari kediamannya di Putrajaya kemudian disambut oleh Azalina dan Mohamad Khir yang menunggu motosikal.

Majlis perhimpunan tersebut turut dimeriahkan dengan bacaan ikrar dan bacaan amanat belia kepada Perdana Menteri, selain persembahan hiburan oleh artis tempatan.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama anaknya, Nori tiba di Stadium Putra, Bukit Jalil dengan memandu sendiri kereta vintaj kesayangannya, Mini Cooper bagi merasmikan perhimpunan Hari Belia Negara 2006 di Kuala Lumpur malam tadi.